



Pemerkasaan Pengajian Al-Qur'an Di Perguruan Tinggi Agama Islam (Ptai) Di Indonesia: Kajian Di Institut Ilmu Al-Qur'an (Iiq) Jakarta

Nurjanah Achmad,¹ Mustaffa Abdullah,² Mohamad Azrien Mohd Adnan³

ABSTRAK

Sehingga kini, pengajian al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia terlihat masih monoton dan tidak bervariasi. Selain itu, pengajian al-Qur'an juga berhadapan dengan pelbagai masalah, antaranya masih bersandarkan kepada kitab-kitab klasik, kaedah pengajaran konvensional, teknologi yang terhad dan tenaga pendidik kurang profesional. Sementara itu, dunia kini memerlukan jawapan kepada masalah umat yang semakin kompleks. Rentetan itu, penyelidik menawarkan idea untuk memperkasa Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta-Indonesia sebagai institusi khusus dalam bidang ilmu al-Qur'an yang terkenal di Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual berstruktur telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data utama dan disokong oleh dokumen penting yang berkaitan. Proses analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati pemerkasaan pengajian al-Qur'an di IIQ dilaksanakan dalam empat dimensi iaitu penilaian kurikulum dan silibus, pemantapan kaedah pengajaran, memanfaatkan dan mengembangkan ICT serta meningkatkan profesionalisme tenaga pengajar. Hal ini diharap mampu meningkatkan IIQ sebagai pusat rujukan yang berwibawa dalam pengajian ilmu al-Qur'an serta melakukan transformasi bagi mencipta kecemerlangan menjelang 50 tahun penubuhannya. Ia juga boleh dijadikan rujukan oleh IPTA atau PTS lain sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia untuk mengorak langkah memperkasakan lagi bidang pengajian al-Qur'an agar setanding dengan bidang pendidikan arus perdana yang lain.

Kata kunci: pemerkasaan, pengajian al-Qur'an, PTAI, IIQ dan IAT

ABSTRACT

Until now, the study of the Qur'an in Indonesian Islamic Religious Universities (PTAI) has remained monotonous and unchanging. Furthermore, the study of the Qur'an faces a number of challenges,

¹ Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: ummuayyas.na@gmail.com

² Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mustaffa@um.edu.my

³ Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mdazrien@um.edu.my

including the continued use of classic books, traditional teaching methods, limited technology, and less professional educators. Meanwhile, the world is in desperate need of solutions to the ummah's increasingly complex problems. Following that, the researchers proposed that the Institute of Qur'anic Science (IIQ) in Jakarta, Indonesia, be strengthened as a specialised institution in the field of Qur'anic science that is well known in Indonesia. A qualitative approach is used in this study. Structured interviews were used as the primary method of data collection, and they were supplemented by relevant important documents. Thematic analysis methods were used in the data analysis process. According to the study's findings, the empowerment of Qur'anic studies in IIQ is implemented in four dimensions: curriculum and syllabus evaluation, strengthening teaching methods, utilising and developing ICT, and improving teaching staff professionalism. It is hoped that this will help to establish IIQ as an authoritative reference centre in the study of Qur'anic knowledge, as well as to perform transformation to achieve excellence in its 50th year. It can also be used as a reference by other IPTA or IPTS in Indonesia or Malaysia to take additional steps to strengthen the field of Qur'anic studies and bring it up to par with other mainstream education fields.

Keywords: empowerment, Qur'anic studies, PTAI, IIQ and IAT

PENDAHULUAN

Pengajian al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI)⁴ di Indonesia berkembang pesat, seiring dengan perkembangan masyarakat Indonesia sejak Islam datang ke Indonesia. Namun, di abad ke-21 ini, apabila perubahan sosial, budaya dan politik semakin rancak di peringkat tempatan, nasional dan global, tidak dapat tidak pengajian al-Qur'an di PTAI harus mampu menghadapi segala cabaran perubahan tersebut. Pengajian al-Qur'an di PTAI harus mempunyai daya kreativiti, sentiasa menjunjung nilai saintifik, berfikiran imaginasi yang tinggi dan mempunyai pandangan yang berorientasikan masa hadapan.

Ekoran daripada itu, jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) sebagai jabatan yang mempunyai ciri khas pengajian al-Qur'an dalam kurikulum silibusnya menjadi fokus sorotan. Halatuju keberadaan pengajian al-Qur'an di jabatan IAT mendapat perhatian khas. Hal tersebut wajar kerana pengajian al-Qur'an merupakan sumber asas daripada ilmu pengajian Islam lainnya.

Kurikulum dan silibus di jabatan IAT dibincangkan secara khusus bermula daripada pengajian al-Qur'an zaman klasik hingga zaman kontemporari. Jika ditempatkan pada skala global, pengajian al-Qur'an di jabatan ini berada di tengah-tengah wacana Timur dan Barat.⁵ Jabatan ini masih kuat memegang tradisi sanad dalam mengembangkan kajian ilmu-ilmu al-Qur'an. Bahan rujukan dalam pembuatan kurikulum dan silibus masih menggunakan kitab-kitab klasik '*Ulūm al-Qur'ān*. Walaupun pada kenyataannya jarang

⁴ Di Malaysia dikenal dengan istilah IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) atau juga IPTI (Institusi Pengajian Tinggi Islam).

⁵ M. Endy Saputro, "Alternatif Tren Studi Qur'an di Indonesia," *Jurnal al-Tahrir* 11.1 (2011): 2, accessed February 25, 2022, doi:10.21154/al-tahrir.v11i1.24.

disentuh oleh pelajar⁶ kerana keterbatasan pelajar dalam hal membaca dan memahami kitab berbahasa Arab atau yang sering dikenal dengan kitab kuning (*classical sourcess*).

Selain daripada itu, perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran pengajian al-Qur'an di jabatan IAT. Kewujudan peranti digital umpama pisau yang tajam. Justeru, mengintegrasikan pembelajaran dengan peranti digital adalah suatu kemestian.⁷

Di sisi lain pula, bentuk pengajaran yang diimplementasikan masih terikat dengan kaedah konvensional tanpa melihat kepada kaedah inovatif,⁸ masih bergantung kepada kaedah tradisional serta tidak kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.⁹ Ini disebabkan oleh kekurangan maklumat pengajaran semasa serta kurangnya penekanan terhadap aspek penglibatan pelajar. Kaedah pengajaran lebih berpusatkan kepada pengajar akan menyediakan pelajar pasif serta tidak berdaya saing dalam pembelajaran.¹⁰ Oleh itu, pensyarah perlu meningkatkan kemahiran sedia ada agar objektif pengajaran mencapai sasaran.

Melihat sebahagian realiti ini, pengajian al-Qur'an di jabatan IAT harus disokong untuk diperkuuh kewujudan dan peranannya di era global. Di satu pihak, mesti cuba mengembangkan kreativiti. Manakala sebaliknya, masih perlu mengekalkan identiti sebagai sumber ajaran.

Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan pencapaian di jabatan IAT, namun masih banyak dimensi dan ruang boleh diperkasakan bagi memartabatkan jabatan IAT sebagai wadah pengajian al-Qur'an yang terbaik di PTAI. Lantaran itu, penyelidik merasakan perlu membuat kajian mendalam berkaitan pemerkasaan pengajian al-Qur'an di PTAI, khususnya di jabatan IAT. Proses penyelidikan akan dimulakan dengan penilaian kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an yang kemudian diteruskan dengan metode pengajaran dan kemahiran tenaga pendidik serta pemanfaatan dan pengembangan ICT.

Penyelidik mengambil sampel PTAI di Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta sebagai wakil Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta (PTAIS) di Indonesia.¹¹ Daripada institusi ini, penyelidik cuba mengenalpasti metode yang digunakan oleh pensyarah dalam kajian ilmu-ilmu al-Qur'an. Selain itu, penyelidik meneroka kurikulum dan silibus yang digunapakai. Pembinaan semula kurikulum perlu dilakukan secara berterusan dan perlu ada komitmen daripada semua pihak. Hal ini sebagaimana pendapat Mohamad Hudaeri¹²

⁶ Mohamad Hudaeri, "Revitalisasi dan Pemberdayaan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah: Kajian Atas Pengembangan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten," *Jurnal ar-Raniry: International of Islamic Studies* 1.1 (2014): 97, accessed February April 12, 2022, doi: <http://dx.doi.org/10.22373/jar.v1i1.7380>.

⁷ Mujahidah dan Ismail Suardi Wekke, "Transformasi Perguruan Tinggi Keagamaan Islam Indonesia," dalam *Seminar Nasional Kepemimpinan Transformatif Forum Pensyarah Indonesia DPD Papua Barat & Pasca Sarjana STAIN Sorong* (Sorong: 26 Mei 2019).

⁸ Yohan Kurniawan, et.al., "Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan," *Jurnal Personalia Pelajar* 15.13 (2012): 22, accessed April 28, 2022.

⁹ Ahmad Yusam Thobroni dan Zaini Tamin AR, "Problematika Pembelajaran Mata Kuliah Tafsir dan Hadis Tarbawi di Perguruan Tinggi Agama Islam di Surabaya," *al-Hikmah: Jurnal Studi Keislaman* 10.2 (2021): 192, accessed April 25, 2010, doi: <https://doi.org/10.36835/hjsk.v10i2.3533>.

¹⁰ Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli, "Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad Ke-21," *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4.1 (2021): 40-54, Accessed Jun 1, 2022.

¹¹ Laman sesawang, http://diktis.kemenag.go.id/bansos/cari_nspt.php, diakses 25 Februari 2021.

¹² Mohamad Hudaeri, "Revitalisasi dan Pemberdayaan," 97.

bahawa aspek lain yang mesti disentuh pada pembahasan tentang silibus adalah buku rujukan, strategi pembelajaran, praktikum perkuliahan dan profesi, evaluasi dan pemantauan. Selain itu, PTAI juga harus menyediakan alat dan perlengkapan agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa tanpa kehilangan akhlak Islam.¹³

Oleh itu, penyelidik cuba menawarkan idea ke arah baru kewujudan pengajian al-Qur'an yang dinamakan pemerkasaan. Pemerkasaan adalah gerakan pendidikan kontemporari yang diperlukan sebagai strategi pembelajaran agama Islam dalam mengharungi abad moden. Selama ini, pakar pendidikan Islam kurang mengasaskan strategi pembelajaran agama pada elaborasi yang mendalam.¹⁴

Pemerkasaan pengajian al-Qur'an bukanlah suatu ironi. Bagi mewujudkan pemerkasaan pengajian al-Qur'an yang lebih mantap, PTAI harus membuat rancangan seawal mungkin. Perkara ini juga harus disokong dengan strategi pemerkasaan pengajian al-Qur'an yang lebih baik. Menurut Ahmad Syafi'i Ma'arif,¹⁵ sekurang-kurangnya terdapat empat komponen yang berperanan penting dalam pengembangan pendidikan tinggi Islam iaitu, (1) *consortium* pendidikan tinggi Islam, (2) pengorganisasian penyelenggara, (3) rektor/kepimpinan dan (4) kakitangan pendidikan.

Dengan melihat kepada hasil yang telah dicapai IIQ selama ini, pemerkasaan pengajian al-Qur'an memerlukan penambahbaikan dalam pelbagai aspek. Menghampiri 50 tahun IIQ, sudah tiba masanya untuk memulakan transformasi bagi mencipta kecemerlangan untuk muncul sebagai institusi pengajian al-Qur'an terkenal dalam *niche area* yang tersendiri. Sebagai institusi pendidikan al-Qur'an yang terulung di Indonesia, IIQ semestinya memainkan peranan penting bukan sahaja dalam melahirkan sumber manusia profesional bertaraf dunia dalam bidang al-Quran, tetapi juga dalam mengembangkan potensi modal insan yang mampu dan meningkatkan ketamadunan ummah.

METODE PENYELIDIKAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif. Metode pengumpulan data dilakukan dengan temu bual dan dokumentasi. Temu bual telah digunakan sebagai kaedah pungutan data utama dan disokong dengan penelitian dokumen penting yang berkaitan. Seramai lima orang informan telah ditemu bual iaitu Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ (Informan DF), Ketua Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (Informan KJ) dan tiga orang pensyarah di jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (Informan P1, P2 dan P3). Sementara metode analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan yang telah dicadangkan oleh Miles et al.¹⁶ bahawa analisis data dalam kajian kualitatif dijalankan secara berterusan dan interaktif sehingga selesai.

¹³ Muhammad Barid Nizarudin Wajdi, "Metamorfosa Perguruan Tinggi Agama Islam," *Jurnal At-Tahdzib: Jurnal Studi Islam dan Muamalah* 4.1 (2016): 92-109, accessed February April 12, 2022.

¹⁴ Mustari Mustofa, Liberalisasi Pendidikan Tinggi Islam di Indonesia: Studi Kasus Pengembangan IAIN, *Tadris: Jurnal Pendidikan Islam* 4.1 (2009): 71-90, accessed Jun 1, 2022, doi: <https://doi.org/10.19105/tjpi.v4i1.245>

¹⁵ Ahmad Syafi'i Maarif, "Pendidikan Islam dan Proses Pemberdayaan Bangsa" dalam *Pendidikan Islam dalam Peradaban Industrial*, ed. Muslih Usa dan Aden Widjan S. Z. (Yogyakarta: Aditya Media, 1997), 63-68.

¹⁶ Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J., *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* (New York: SAGE Publications, 2014), 10.

TEMPAT PENYELIDIKAN

Atas idea al-Maghfurlah Prof. K.H. Ibrahim Hosen, LML. Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta ditubuhkan pada 1 April 1977 M oleh Yayasan Affan, dipengerusikan oleh Hj. Sulaiman Affan. Kemudian sejak tahun 1983 hingga kini IIQ ditadbir oleh Yayasan IIQ, dipengerusikan oleh Hjh. Harwini Joesoef. Pada mulanya IIQ membuka Program Magister khusus untuk wanita dengan sokongan penuh daripada seluruh gabenor (menteri besar) di seluruh Indonesia. Selepas itu IIQ membuka program degree (S1) tahun 1982.¹⁷

IIQ merupakan gabungan sistem pendidikan pesantren dan institusi pengajian tinggi yang berorientasikan melahirkan ulama wanita yang hafaz al-Qur'an, intelektual, luas pikiran dan pakar di bidang ilmu al-Qur'an. Institusi ini menjadikan bidang pengajian al-Quran sebagai *icon* kampus yang disepadukan dengan program-program pengajian lain. Di peringkat sarjana muda (*degree*), IIQ menawarkan bidang pengkhususan ilmu-ilmu al-Qur'an seperti ilmu *Naghm* (taranum), ilmu *Rasm al-Qur'an*, ilmu *Balahgah*, ilmu *Lughah* dan pelbagai lagi ilmu al-Qur'an lain.¹⁸ Keunikan dan ciri-ciri yang dipamerkan menjadikan kurikulum dan silibus program pengajian al-Qur'an di IIQ berbeza daripada program pengajian al-Qur'an sedia ada di PTAI lain di Indonesia.

Sepanjang penubuhannya, IIQ telah menunjukkan beberapa perkembangan yang merangsang. Pada masa ini, IIQ memilik 3 fakulti dengan masing-masing dua jabatan (program studi). Fakulti Syariah memiliki dua jabatan iaitu Hukum Ekonomi Syariah (HES)/Muamalah dan Manajemen Zakat dan Wakaf. Fakulti Tarbiyah juga mempunyai dua jabatan iaitu Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Islam Anak Usia Dini. Fakulti Usuluddin dan Dakwah (FUD) juga mempunyai dua jabatan iaitu Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) dan Komunikasi dan Penyiaran Islam.¹⁹

Perkembangan pengajian al-Quran di kampus ini menjadi semakin menarik apabila IIQ berjaya membuka program Doctoral (S3) atas permintaan ramai ulama, pemimpin dan masyarakat luas Indonesia. Semua Program Pascasarjana di IIQ bertujuan untuk meneroka dan mengembangkan ‘Ulum al-Qur'an dan ‘Ulum al-Hadith.²⁰

HASIL KAJIAN

Pemerkasaan pengajian al-Qur'an yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah serangkaian tindakan perancangan dan penyusunan semula program pengajian al-Qur'an yang disesuaikan kembali dengan sasaran pengajaran moden secara berperingkat tanpa menafikan kecemerlangan sedia ada yang telah dicapai. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Suyanto²¹ bahawa fungsi penelitian di perguruan tinggi termasuklah menjunjung budaya akademik, menyelesaikan masalah yang dihadapi manusia, memperbaharui ilmu yang dimiliki oleh pensyarah dan memperkasakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara profesional. Oleh itu, penyelidik mencadangkan rumusan dimensi pemerkasaan pengajian al-Qur'an sebagai berikut:

¹⁷ Laman sesawang IIQ, diakses 13 Jun 2020, <https://www.iiq.ac.id>

¹⁸ Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020-2024.

¹⁹ Laman sesawang IIQ, diakses 13 Jun 2020, <https://iiq.ac.id/fud-iat>

²⁰ Laman sesawang Pasca Sarjana IIQ, diakses 13 Jun 2020, <https://pps.iiq.ac.id>

²¹ Suyanto, *Dinamika Pendidikan Nasional dalam Percaturan Dunia Global* (Jakarta: PSAP Muhammadiyah, 2006), 178.

Pertama, usaha pemerkasaan utama yang dijalankan adalah dalam dimensi kurikulum dan silibus bagi mengekalkan kewujudan pengajian al-Qur'an pada masa kini.

Kedua, pelaksanaan konsep pemerkasaan mestilah dapat memaksimumkan sumber (*resources*) terutamanya dari segi ICT.

Ketiga, kaedah pengajaran yang melibatkan pensyarah sama ada dalam reka bentuk perancangan dan pelaksanaan dijalankan.

Keempat, kegiatan pemerkasaan pengajian al-Qur'an harus lebih fungsional dalam kemampuan pensyarah sebagai penghubung antara pelajar dan institusi.

Perkara pertama dan kedua berkaitan dengan institusi iaitu PTAI, manakala perkara ketiga dan keempat berkaitan sumber manusia. Justeru, penyelidik turut merekodkan hasil temu bual yang dimulakan dengan pandangan tentang pengertian pemerkasaan yang diberikan oleh informan.

Makna Pemerkasaan

Pemerkasaan boleh dilakukan dalam pelbagai bidang kehidupan manusia termasuk dalam bidang pendidikan Islam. Pengajian al-Qur'an pula bahagian daripada pendidikan Islam. Justeru, pihak IIQ melihat pemerkasaan sebagai usaha untuk melakukan pengembangan yang sesuai dengan bidang pembelajaran menuju kepada kebebasan tetapi tetap menyediakan polisi undang-undang yang menjadi asas pendidikan Islam iaitu al-Qur'an. Lantaran itu, pemerkasaan pengajian al-Qur'an harus dilakukan secara terbuka, rasional dan bertolak ansur. Perkara ini disahkan oleh informan KJ sebagai berikut:²²

Menguatkan kembali kajian ilmu al-Qur'an secara rasional, terbuka dan toleran sehingga fungsi al-Qur'an sebagai petunjuk selalu relevan dengan perkembangan zaman dan menjadi solusi atas problematika kehidupan yang terus berkembang.

Selain itu, penyelidik dimaklumkan oleh informan P1²³ bahawa maksud pemerkasaan pengajian al-Qur'an adalah memberi makna kepada usaha memperkuuh dan memperbaharui khazanah pengajian ilmu al-Qur'an dengan melakukan penambahbaikan silibus dan kurikulum yang disusun secara sistematis berdasarkan susunan keilmuan. Adapun informan P3²⁴ dan DF²⁵ menafsirkan bahawa memperkasakan pengajian al-Qur'an adalah untuk menghidupkan pengajian al-Qur'an dalam konteks kontemporari dan menyentuh semua lapisan masyarakat.

Berdasarkan maksud yang diberikan oleh informan, penyelidik mendapati pihak IIQ telah berusaha melaksanakan pengembangan yang sesuai dengan bidang pembelajaran ke arah kebebasan namun tetap bersandar kepada al-Qur'an. Pemerkasaan pengajian al-Qur'an bukanlah suatu yang hanya berorientasikan kepada dimensi wacana sahaja tetapi juga perlu dilengkapi dengan peningkatan kesedaran semua pihak. Oleh itu, IIQ menekankan dimensi inovasi dan kreativiti sebagai penggerak utama untuk memberikan perkhidmatan yang sistematik dan selaras dengan kehendak semasa. Usaha ini memantapkan IIQ sebagai sebuah institusi pendidikan al-Qur'an tersohor di Indonesia.

²² Informan KJ, Ketua Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

²³ Informan P1, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

²⁴ Informan P3, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

²⁵ Informan DF, Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

Beberapa langkah yang diambil termasuklah empat dimensi pemerkasaan iaitu penilaian kurikulum dan silibus, pemantapan metode pengajaran, meningkatkan standard profesional tenaga pengajar dan membangunkan ICT.

i. Penilaian Silibus dan Kurikulum

Kurikulum dan silibus merupakan nadi kepada setiap program pendidikan kerana berperanan sebagai medium untuk menyampaikan segala isi dan kandungan dalam proses pengajaran. Oleh itu, dapatan kajian ini turut merekodkan hasil temubual tentang penilaian silibus dan kurikulum. Maklum balas yang diutarakan oleh semua informan adalah sama, bahawa kurikulum dan silibus yang sedia ada telah sesuai dan telah melalui beberapa peringkat pelarasan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan daripada informan P1 sebagai berikut:²⁶

Kurikulum dan silabus tersebut sudah melalui penyempurnaan beberapa tahap, sejauh ini telah sesuai dan mencakup problematika terkini.

Oleh itu, pendapat yang disampaikan oleh informan selari dengan pandangan Md Nawi²⁷ bahawa kurikulum merupakan prosedur bagi mereka bentuk pengajaran, perlu dinilai sama ada ia dilakukan secara terhad atau luas. Jadi, jika dalam konsep kurikulum sebelumnya terdapat suatu matlamat yang belum dicapai, usaha penilaian dan pengembangan kurikulum akan dilakukan. Pentaksiran dalam kurikulum mempunyai kaitan dengan aktiviti lain seperti implementasi dan penyesuaian kurikulum.

Selain daripada itu, kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an harus mempunyai dimensi sosial, menjana idea-idea baru yang berasas dalam menyelesaikan masalah-masalah kontemporari dalam masyarakat. Ini selari dengan hasil kajian yang diperolehi di IIQ. Perkara ini dapat dibuktikan apabila IIQ telah beberapa kali membuat perubahan kurikulum dalam bidang pengajian al-Qur'an dengan maksud untuk pengembangan, penyesuaian dan implementasi dengan keadaan semasa di era moden ini. Berikut adalah kenyataan KJ:²⁸

Upaya penilaian dan pengembangan kurikulum seperti:

Melakukan peninjauan dan revisi kurikulum secara berkala

Mereview kurikulum jabatan Ilmu al-Qur'an dari perguruan tinggi lain sebagai perbandingan

Melakukan peninjauan dan revisi kurikulum secara berkala yang didahului dengan pelaksanaan *tracer study* dan studi banding

Penyempurnaan Silibus, SAP/RPS, dan kebaruan referensi sesuai dengan hasil *Tracer Study Online*

Ini menggambarkan bahawa pengajian al-Qur'an memerlukan paradigma baru untuk terus bertahan dan bersaing dimana ledakan era globalisasi kedengaran di setiap sudut masyarakat. Ini selaras dengan pandangan Nik Aziz Nik Pa²⁹ bahawa penyusunan

²⁶ Informan P1, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

²⁷ Noor Hisham Md Nawi, *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam* (Perak: UPSI, 2011), 161-162.

²⁸ Informan KJ, Ketua Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

²⁹ Nik Aziz Nik Pa, *Isu-Isu Kritis dalam Pengajian Islam dan Pendidikan Bahasa Arab* (Selangor: Hazrah Enterprise, 2007), 177.

kurikulum memfokuskan kepada keperluan untuk melahirkan umat Islam yang berketinggian rohani, kebolehan intelek yang luas dan kefahaman yang jelas dalam memahami tasawur Islam. Bahan syarahan bukan sahaja memberi pengetahuan tetapi harus menjurus kepada pengukuhan dan pembentukan kompetensi yang lebih tinggi yang relevan dengan dunia masa kini.

Pada masa kini, Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) di IIQ menggunakan kurikulum berbasis iaitu *Kerangka Kualifikasi Nasional Indonesia (KKNI)*³⁰ yang secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu al-Qur'an dan ilmu Tafsir. Tetapi sejak kebelakangan ini, pengajian al-Qur'an juga dilakukan di luar kajian teks asal. Atau dalam istilah lain, pengukuhan tradisi teks dan konteks.³¹ Contohnya kajian Hermeneutika, Ilmu Musabaqah al-Qur'an dan Living al-Qur'an.³²

Hermeneutika disebut sebagai lompatan besar dalam perumusan metodologi pemikiran Islam dan metode pentafsiran al-Qur'an. Menurut Mokhamad Sukron,³³ Hermeneutika sebagai tawaran dalam pentafsiran al-Qur'an telah pun wujud dalam '*Ulūm al- Qur'ān*'. Hermeneutika bukanlah suatu tawaran baharu, tetapi lebih kepada kajian semula dan kesedaran tentang kaedah salaf dan khalfah yang menjadi teras kajian Hermeneutika. Namun, Hermeneutika di IIQ adalah sesuatu hal yang baharu.

Ekoran daripada itu, dapatan kajian ini mempunyai pelbagai pandangan. Satu informan menolak.³⁴ Hal ini bertentangan dengan pandangan Apri Kurniasih,³⁵ tidak seharusnya menolak kursus baharu yang mengandungi bidang kontemporari. Pelajar akan menderita jika meninggalkan kampus dan menghadapi realiti sosial dan sosio-agama yang sangat kompleks. Manakala beberapa informan lain, tidak menyokong dan tidak menolak.³⁶ Ini selari dengan kajian Reflita³⁷ bahawa tokoh-tokoh yang terlibat dalam kebaikan dan keburukan Hermeneutik termasuklah pakar akademik di kampus, aktivis NGO Islam dan aktivis dalam bidang pengajian Islam secara am. Walau bagaimanapun, Hermeneutika secara tidak langsung turut memberi kesan pengajaran tafsir al-Qur'an di jabatan IAT. Pendedahan kajian Hermeneutika perlu dipantau dengan teliti. Berlebihan dalam mempelajarinya akan menyebabkan pelajar terpesong jauh.

ii. Pengembangan ICT

Dalam era digital yang ditandai dengan euphoria teknologi seperti sekarang ini, institusi pengajian tinggi Islam seharusnya mampu menggunakan media teknologi untuk mencipta

³⁰ Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020.

³¹ Informan DF, Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temu bual online, Mei 2020

³² Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020.

³³ Mokhamad Sukron, "Kajian Hermeneutika dalam 'Ulum al-Qur'an," *al-Bayan: Jurnal Studi al-Qur'an dan Tafsir* 1 (2016): 91-98, accessed February 28, 2022, doi: <https://doi.org/10.15575/al-bayan.v1i2.1657>

³⁴ Informan P1, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temu bual online, Mei 2020.

³⁵ Apri Kurniasih, "Pendekatan Studi Islam di Perguruan Tinggi Islam," *As-Salam* 3.1 (2013): 77-90, accessed February 12, 2022.

³⁶ Informan P2 dan P3, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temu bual online, Mei 2020.

³⁷ Reflita, "Kontroversi Hermeneutika Sebagai Manhaj Tafsir: Menimbang Penggunaan Hermeneutika dalam Penafsiran al-Qur'an)," *Jurnal Ushuluddin* 24.2 (2016): 135-149, Accessed April 12, 2022, doi: <https://doi.org/10.24014/jush.v24i2.1625>.

inovasi dalam pendidikan Islam. PTAI misalnya, mempunyai hubungan yang amat rapat antara kajian keislaman dengan kemajuan sains, teknologi dan media komunikasi. Keduanya harus saling melengkapi. Dari satu segi, teknologi dan media komunikasi boleh menjadi satu cara untuk pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berakibat juga dengan proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an di PTAI. ICT berguna sebagai pengubahsuai kaedah pengajaran klasik sebelum ini. Malah, hasil kajian berkaitan pengekodan bagi kategori ICT menunjukkan semua informan menyatakan pengajaran al-Qur'an mesti melibatkan teknologi. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan informan KJ berikut:³⁸

1. Penyediaan fasiliti akses internet melalui *free hotspot* dengan *Bandwidth 20 Bbps* selama 24 jam
2. Mengusahakan ketersediaan SAC (*Self Access Centre*) yang terintegrasi dengan perpustakaan dan online e-journal yang boleh diakses secara terbuka di Fakulti Usuluddin
3. Mengadakan software/aplikasi rasmi dari Google berupa *Google Suites for Education* yang memudahkan proses pelayanan dan pembelajaran secara online

Oleh itu, teknologi cuba memberikan penyelesaian kepada beberapa kebimbangan manusia. Kehadirannya memberikan usaha untuk menjadikan kehidupan manusia lebih mudah, merungkai kerumitan, memudahkan akses kepada pengetahuan, memendekkan cara bekerja, dan cekap. Seperti yang berlaku pada masa kini, wabak Covid telah melanda pelbagai negara di dunia. Internet telah menjadi tetingkap baharu penghantaran pengetahuan yang diterima oleh pelajar. Kemudahan pengajaran dan pembelajaran tidak terhad kepada sekatan bilik darjah. Youtube, Google dan platform media dalam talian digunakan sebagai tutorial, maklumat, penstriman kelas jauh dan repositori pengetahuan yang sangat menjanjikan. Ini selari dengan hasil kajian daripada kenyataan informan P2 berikut:³⁹

Setelah merebaknya wabak Pandemic Covid-19, pengajaran dilakukan online, sama ada melalui media *teleconference* atau dengan *e-learning* modul, atau yang lain. Sementara sebelum adanya wabak Pandemi Covid-19, pengajaran kebanyakannya dilakukan di kelas, dengan pelbagai metode pengajaran yang sudah biasa diterapkan selama ini, iaitu presentasi pensyarah, presentasi pelajar, diskusi kelas dan resume materi oleh pelajar. Kadang juga menggunakan media video dari youtube, juga kadang memanfaatkan sumber-sumber bacaan dari internet, untuk dibagikan ke pelajar, baik berupa jurnal ilmiah atau yang lainnya. Agar pelajar semakin luas wawasan keilmuannya, tidak sekedar mengandalkan bahan bacaan dari buku ajar semata.

Selain itu, penggunaan *e-learning* (pembelajaran elektronik) merupakan satu perkembangan baharu hasil daripada ledakan penggunaan ICT. Ia adalah medium yang cepat, mudah dan sesuai untuk pengajaran al-Qur'an di IIQ. Ia mengubah stereotaip yang menghubungkan pengajaran tafsir al-Quran dengan sistem tradisional dan turath sahaja.

³⁸ Informan KJ, Ketua Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

³⁹ Informan P2, Pensyarah di Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

Dengan kemudahan teknologi moden masa kini, proses pengajian tafsir al-Qur'an, penyebaran dan penyampaian dakwah Islamiah berteraskan al-Qur'an akan menjadi lebih kukuh. Hal ini boleh dikaitkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Bahrur Rosi⁴⁰ bahawa ICT hanya alat dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat umum. ICT dalam kandungan dakwah amat diperlukan memandangkan sasaran yang menjadi rakan dakwah adalah sangat pelbagai dan multi-dimensi, namun apa yang amat perlu diutamakan ialah sumbernya mestilah diambil daripada al-Quran dan hadith.

Dengan demikian, tampak penggunaan ICT sebagai sumber bahan pembelajaran, alat bantu pendidikan dan kemudahan. Ini adalah petanda baik untuk maju dalam dunia pendidikan. Kemajuan ICT yang semakin pantas, luas, mudah dan terbuka telah mendorong IIQ untuk merealisasikan dan memajukan idea dengan berkesan dan cekap. Ini dapat dilihat daripada kemudahan sokongan dalam proses pembelajaran sama ada dalam kemudahan bahasa, internet, multimedia, laman web sebagai perkhidmatan maklumat dan rujukan walaupun tahapnya mencukupi malah separuh masih kurang. Namun begitu, ia diperlukan dalam usaha manusia meneroka ilmu dan menyebarkan maklumat untuk perkembangan minda dan pada masa yang sama membantu menyedarkan manusia dalam dimensi ekonomi, sosial, politik dan agama.⁴¹

Perkara-perkara ini boleh dikatakan sebagai pemerkasaan pengajian al-Qur'an melalui ICT. Gerakan kesedaran yang menyatukan dan berkolaborasi dengan teknologi ke dalam pengajian al-Quran adalah cara pintar untuk menyampaikan semua mesej moral al-Quran. Aliran ilmu sains dan teknologi moden memberi hala tuju agar usaha dan ijтиhad yang dijalankan dalam Islam lebih mudah disentuh secara realiti.

iii. Pemantapan Metode Pengajaran

Salah satu ciri yang perlu ada dalam dimensi pemerkasaan ialah kaedah pengajaran. Dimensi kurikulum tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah pengajaran tidak dititikberatkan. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh seorang pendidik dalam proses pembelajaran dan pengajaran dengan mengambil kira tajuk, keadaan dan persekitaran orang yang dididik. Perkara ini turut ditekankan oleh IIQ. Menerusi kaedah pengajaran, guru dapat membantu murid memperoleh pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku, menyemai minat dan semangat dalam pembelajaran.⁴² Ini diperkuuh dengan pandangan yang diutarakan oleh informan KJ seperti berikut:⁴³

Dapat mentransfer pengetahuan dengan baik kepada pelajar dan membuka wawasan baru serta semangat baru dalam mengajinya.

Oleh itu, pemilihan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah mengikut keperluan dan ia tidak tetap. Manakala menerusi buku pedoman akademik, penyelidik membuat kesimpulan bahawa pensyarah menggunakan dua atau tiga kaedah atau lebih. Setiap tema perbincangan dalam silibus, pensyarah akan sampaikan dengan menggunakan kaedah seperti syaranan, soal jawab, perbincangan dan

⁴⁰ Bahrur Rosi, "Media dan ICT dalam Problematika Dakwah," *Jurnal Ulumuna: Jurnal Studi Keislaman* 4.1 (2018): 99, accessed February 12, 2022, doi: <https://doi.org/10.36420/ju.v4i1.3549>

⁴¹ Fadhlullah Jamil, "IT, Perkembangan dan Kesannya Terhadap Umat Islam," dalam *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah* (Alor Setar: Institut Agama Islam Negeri Kedah, 2000), 51.

⁴² Muhammad 'Umar al-Tumi al-Shaybani, *Falsafat al-Tarbiyyah al-Islamiyyah* (Tripoli Libya: al-Manshaat al-Sha'biyyah li al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lān, 1975), 557-580.

⁴³ Informan KJ, Ketua Jabatan IAT Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

tugasan penulisan akademik. Pensyarah memberikan syarahan terlebih dahulu sebagai bahasa pengantar untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Kemudian pelbagai kaedah digunakan untuk memudahkan pelajar menerima kefahaman. Oleh itu, pensyarah seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam untuk membantu pelajar dalam pembelajaran.

Walau bagaimanapun, penyelidik berpandangan pensyarah perlu bijak memilih metode yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan tahap pemikiran pelajaran agar ilmu yang disampaikan mudah difahami.⁴⁴ Oleh itu, walau apa pun metode yang digunakan oleh pensyarah, hendaklah dilaksanakan secara optimum dan penuh tanggungjawab. Keikhlasan pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan objektif pengajian tercapai. Sehebat mana pun teori dan secanggih mana pun teknologi yang berhasil, jika sikap dan tanggungjawab pensyarah seperti melepas batu di tangga, halatuju pengajian al-Qur'an tidak akan sampai kepada sasarannya. Justeru, faktor utama kejayaan pengajian al-Qur'an terletak pada keikhlasan dan sikap positif seorang pengamal pendidikan yang selari dengan falsafah pendidikan Islam di Indonesia ke arah melahirkan generasi muda yang dinamik, produktif, bertanggungjawab terhadap agama dan bangsa.

iv. Peningkatan Profesionalisme Kemahiran Pensyarah

Bagi memastikan dapat melakukan perubahan mengikut keperluan era global ini dengan lebih berkesan, tenaga pengajar perlu mempunyai pelbagai kemahiran. Tenaga pengajar abad ke-21 mestilah menjadi pendidik yang serba boleh dan tangkas dalam beberapa kemahiran termasuk kebolehan menggunakan media elektronik dan komputer untuk meningkatkan keberkesan pengajaran mereka.

Oleh itu, penyelidik mengambil kira kemahiran pensyarah sebagai dimensi pemerkasaan pengajian al-Quran yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di IIQ. Usaha memperkasakan kemahiran pensyarah dijalankan melalui peluang latihan di dalam dan luar negara. Pensyarah juga diwajibkan menghadiri kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, kompetensi pensyarah perlu dibangunkan dengan melaksanakan program berterusan dengan kerjasama di pelbagai pihak. Ini selari dengan maklumat yang diberikan oleh informan DF seperti berikut:⁴⁵

Pengembangan sumber daya manusia dilakukan dengan cara seperti:

1. Penglibatan dan pengikutsertaan pensyarah dalam kegiatan ilmiah seperti seminar, simposium, konferensi dan temu ilmiah.
2. Pengikutsertaan pensyarah dalam penelitian kolaboratif semisal kajian al-Qur'an dan penyusunan tafsir ayat-ayat kauniyah dan pentashihan mushaf al-Qur'an Kementerian Agama Republik Indonesia.
3. Evaluasi dari perbaikan kinerja tenaga pendidik dan tenaga kependidikan.
4. Pengikutsertaan pensyarah dalam organisasi profesi seperti, AIAT (Asosiasi Ilmu al-Qur'an dan Tafsir), ASILHA (Asosiasi Ilmu Hadis), JQH (Jam'iyyatul Qurra wal Huffazh), MUI (Majlis Ulama Indonesia),

⁴⁴ Sofiah Mohamed, et al., "Akhlik Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *Jurnal Akademika* 2 (2016): 31-42, accessed April 12, 2022, doi: <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>.

⁴⁵ Informan DF, Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah IIQ, dalam temubual online, Mei 2020.

Pusat Studi Ilmu Al-Qur'an (PSQ), Ikatan Persaudaraan Qari Qari'ah, Hafizh-Hafizhah (IPQAH).

5. Mendukung pensyarah tetap dalam pendidikan jenjang doctoral (S3).
6. Mengikutsertakan pensyarah tetap dalam sertifikasi pensyarah.

Berikutnya maklumat daripada informan di atas, jelas menunjukkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh jabatan IAT dalam meningkatkan kualiti pensyarah adalah jelas. Pihak jabatan telah menyediakan pelbagai cara kepada semua pensyarah agar dapat melahirkan kemahiran, keikhlasan dan inspirasi yang tinggi terhadap tugas pengajaran yang diberikan. Bagi merealisasikan matlamat ini, sebaiknya satu standard kompetensi tenaga pengajar di IIQ mesti diwujudkan sebagai piawai bagi membolehkan menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Piawaian ini juga dibangunkan bagi motivasi untuk menunjukkan jati diri sebagai penggerak institusi al-Qur'an di Indonesia.

KESIMPULAN

Empat dimensi pemerkasaan yang cuba ditawarkan oleh penyelidik ialah bentuk amali pengajian al-Quran di IIQ yang membawa idea revolusioner. Kerana pada dasarnya pendidikan Islam di Indonesia terbuka kepada segala bentuk pembaharuan, begitu juga dengan teknologi yang datang kemudian dalam pelbagai wajahnya. Justeru, pemerkasaan pengajian al-Qur'an di IIQ mesti membawa kepada perubahan yang dilakukan secara berperingkat (*gradual*), konsisten (*consistent*) dan mampan (*sustainable*). Ini bukan sahaja membawa kepada pemurnian pengajian al-Qur'an, malah lebih jauh daripada itu, menjadikan pengajian al-Quran berkembang dan perkasa dalam mengembalikan kewujudan pengajian al-Qur'an sebagaimana yang berlaku di zaman kegemilangan Islam.

RUJUKAN

- Ahmad Syafi'i Maarif. "Pendidikan Islam dan Proses Pemberdayaan Bangsa" dalam *Pendidikan Islam dalam Peradaban Industrial*, ed. Muslih Usa dan Aden Widjan S. Z. Yogyakarta: Aditya Media, 1997.
- Ahmad Yusam Thobroni dan Zaini Tamin AR. "Problematika Pembelajaran Mata Kuliah Tafsir dan Hadis Tarbawi di Perguruan Tinggi Agama Islam di Surabaya." *al-Hikmah: Jurnal Studi Keislaman* 10.2 (2021): 182-196. Accessed April 25, 2022. doi: <https://doi.org/10.36835/hjsk.v10i2.3533>.
- Apri Kurniasih. "Pendekatan Studi Islam di Perguruan Tinggi Islam." *As-Salam* 3.1 (2013): 77-90. Accessed April 12, 2022.
- Bahrur Rosi. "Media dan ICT dalam Problematika Dakwah." *Ulumuna: Jurnal Studi Keislaman* 4.1 (2018): 89-105. Accessed February 12, 2022. doi: <https://doi.org/10.36420/ju.v4i1.3549>.
- Buku Pedoman Akademik Program Strata Satu (S1) Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) Jakarta Tahun 2020-2024.
- Fadhlullah Jamil. "IT, Perkembangan dan Kesannya Terhadap Umat Islam" dalam *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*. Alor Setar: Institut Agama Islam Negeri Kedah, 2000.
- Laman sesawang IIQ. Accessed Jun 13, 2020, <https://www.iiq.ac.id>
- Laman sesawang Pasca Sarjana IIQ. Accessed Jun 13, 2020, <https://pps.iiq.ac.id>

- Laman sesawang Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag). Accessed Februari 5, 2021. http://diktis.kemenag.go.id/bansos/cari_nspt.php.
- M. Endy Saputro. "Alternatif Tren Studi Qur'an di Indonesia." *Jurnal al-Tahrir* 11.1 (2011): 1-27. Accessed February 25, 2022. doi: 10.21154/al-tahrir.v11i1.24.
- Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J. *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook*. New York: SAGE Publications, 2014.
- Mohamad Hudaeri. "Revitalisasi dan Pemberdayaan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah: Kajian Atas Pengembangan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten." *Jurnal ar-Raniry: International of Islamic Studies* 1.1 (2014): 95-128. Accessed April 12, 2022. doi: <http://dx.doi.org/10.22373/jar.v1i1.7380>.
- Mokhamad Sukron, "Kajian Hermeneutika dalam 'Ulum al-Qur'an." *al-Bayan: Jurnal Studi al-Qur'an dan Tafsir* 1 (2016): 91-98. Accessed February 28, 2022. doi: <https://doi.org/10.15575/al-bayan.v1i2.1657>.
- Muhammad Barid Nizarudin Wajdi. "Metamorfosa Perguruan Tinggi Agama Islam." *Jurnal At-Tahdzib* 4.1 (2016): 92-109. Accessed April 12, 2022.
- Muhammad Umar al-Tumi al-Shaybani. *Falsafat al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Tripoli Libya: al-Manshaat al-Sha'biyyah li al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-I'lān, 1975.
- Mujahidah dan Ismail Suardi Wekke, "Transformasi Perguruan Tinggi Keagamaan Islam Indonesia," dalam *Seminar Nasional Kepemimpinan Transformatif Forum Pensyarah Indonesia DPD Papua Barat & Pasca Sarjana STAIN Sorong* (Sorong: 26 Mei 2019).
- Mustari Mustofa. "Liberalisasi Pendidikan Tinggi Islam di Indonesia: Studi Kasus Pengembangan IAIN." *Tadris: Jurnal Pendidikan Islam* 4.1 (2009): 71-90. Accessed Jun 1, 2022. doi: <https://doi.org/10.19105/tjpi.v4i1.245>.
- Nik Aziz Nik Pa. *Isu-Isu Kritikal dalam Pengajian Islam dan Pendidikan Bahasa Arab*. Selangor: Hazrah Enterprise, 2007.
- Noor Hisham Md Nawi. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: UPSI, 2011.
- Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli, "Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad Ke-21." *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4.1 (2021): 40-54. Accessed Jun 1, 2022.
- Reflita. "Kontroversi Hermeneutika Sebagai Manhaj Tafsir: Menimbang Penggunaan Hermeneutika dalam Penafsiran al-Qur'an." *Jurnal Ushuluddin* 24.2 (2016): 135-149. Accessed April 12, 2022. doi: <https://doi.org/10.24014/jush.v24i2.1625>.
- Sofiah Mohamed, et.al. "Akhhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam." *Jurnal Akademika* 2 (2016): 31-42. Accessed April 12, 2022. doi: <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>.
- Suyanto. *Dinamika Pendidikan Nasional dalam Percaturan Dunia Global* Jakarta: PSAP Muhammadiyah, 2006.
- Yohan Kurniawan, et.al. "Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan." *Jurnal Personalia Pelajar* 15.13 (2012): 13-22. Accessed April 28, 2022.